

14 OCT 1999

Mahathir - F1

DR MAHATHIR UCAP TERIMA KASIH KEPADA ECCLESTONE

KUALA LUMPUR, 14 Okt (Bernama) -- Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad malam ini melahirkan penghargaan kepada Presiden Persatuan Pengeluar Formula One Bernie Ecclestone kerana membantu Malaysia mencapai impian negara ini menjadi tuan rumah grand prix F1.

Perdana Menteri berkata Malaysia tidak menjangka perlumbaan itu akan berlangsung di negara ini tetapi Ecclestone, selaku penggerak utama F1, telah berusaha bagi membolehkan Malaysia menjadi venue terbaru perlumbaan itu.

"Akhirnya ia berada di sini dan Malaysia amat bangga menganjurkan perlumbaan yang utama ini," katanya pada satu jamuan malam sempena Grand Prix Petronas Malaysia.

Perlumbaan itu akan berlangsung Ahad ini. Sesi latihan dan kelayakan akan berlangsung esok dan lusa.

Hadir pada jamuan itu ialah Ecclestone, beberapa menteri kabinet serta pelumba-pelumba selain Pengerusi Petronas Tan Sri Azizan Zainol Abidin dan Pengerusi Malaysia Airports Berhad Tan Sri Basir Ismail.

Antara pelumba yang hadir ialah juara dunia Mika Hakkinen dan bekas juara Michael Schumacher.

Dr Mahathir berharap semua pihak yang terlibat dengan kejohanan itu akan menikmati keindahan negara ini dan akan tinggal lebih lama di sini.

"Bersiar-siarlah di Malaysia. Negara ini cantik. Lebih lama anda tinggal di sini lebih baik untuk kami," katanya.

Selepas Malaysia, perlumbaan terakhir akan berlangsung di Jepun.

Penyanyi jemputan pada jamuan malam ini ialah Shirley Bassey yang menyanyikan tiga lagu dalam filem James Bond.

-- BERNAMA

AR MAI